



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT MENGENAI INSIDEN PESAWAT MH17

YB Menteri Dato' Seri Rohani Abdul Karim dan seluruh warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut bersedih dengan kejadian yang berlaku kepada penumpang dan anak kapal Pesawat MH17 serta mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga penumpang dan anak kapal pesawat tersebut.

Oleh yang demikian, bagi membantu memberikan sokongan kepada ahli keluarga penumpang dan anak kapal, saya telah mengarahkan Pegawai Psikologi dari semua agensi di bawah KPWKM untuk bertugas secara 24 jam.

Terdapat seramai 24 orang Pegawai Psikologi yang telah bertugas sejak 18 Julai 2014, mengikut jadual shift yang ditetapkan iaitu 7.00pagi-12.00tengahari, 12.00tengahari-5.00petang, 5.00petang-10.00malam, 10.00malam-7pagi.

Dalam situasi seperti ini, khidmat Pegawai Psikologi sangat diperlukan bagi memberikan sokongan emosi, psikologi dan moral untuk mengurangkan tekanan dan keresahan ahli keluarga dalam menghadapi insiden yang berlaku dan apa jua kemungkinan berkaitan insiden.

Pegawai Psikologi yang bertugas memainkan peranan yang penting dalam menstabilkan emosi dan mempamerkan kesediaan jika ahli keluarga ingin berkongsi dan meluahkan perasaan atau emosi mereka.

KPWKM mempunyai Pegawai Psikologi yang berpengalaman dalam membantu ahli keluarga dan sentiasa bersedia siaga menyampaikan perkhidmatan kaunseling dan psikologi. Jika perlu, KPWKM akan menggerakkan lebih ramai Pegawai Psikologi JKM yang ada di seluruh negara, untuk turut sama-sama turun padang membantu menyampaikan perkhidmatan kaunseling kepada ahli keluarga yang berada di sini mahupun di rumah.

Sokongan psikologikal seumpama ini akan sentiasa diteruskan bagi memastikan kesejahteraan psikologi ahli keluarga yang sentiasa menantikan maklumat terbaru berkenaan insiden.

Sekali lagi, ingatan dan doa dari saya serta seluruh warga KPWKM terhadap semua penumpang dan anak kapal pesawat MH17 serta seluruh ahli keluarga yang terlibat dalam insiden tersebut.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Tel: 03-8323100
Fax: 03-83232012